



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **tetap** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau.

BIL	JAWATAN	GREED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	Pembantu Operasi	N11	Pembantu Operasi	Tetap	RM1,216.00 - RM2,983.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada Tarikh tutup iklan jawatan: dan
  - c)
    - i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
    - ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15)

### 2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat di dalam menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis melalui <https://perlis.uitm.edu.my/>
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama salinan dokumen berikut yang telah **DISAHKAN BENAR** dari salinan asal;
  - a) Kad Pengenalan & Sijil Kelahiran
  - b) Sijil Tamat Persekolahan
  - c) Sijil Keputusan Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah
  - d) Surat Pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji)
3. Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
4. Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon di penjurukan kiri (atas) sampul surat.
5. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 Jun 2024 (Selasa)**

Sila kemukakan permohonan kepada:



اَوْنُوْا سِيْتِي تَبْكُوْا لُوْجِيْ مَنَاوَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS**

**NO. TELEFON: 04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210**

**Tarikh Iklan : 29 Mei 2024**